

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [BARAM]
TARIKH : 20 Mei 2015
SOALAN :

YB Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menempatkan lebih ramai doktor dari kalangan penduduk tempatan di Hospital Marudi bagi mengurangkan kadar perpindahan keluar doktor dari luar yang sedikit sebanyak mendatangkan kesan kepada hubungan di antara doktor dan pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Marudi, Sarawak merupakan Hospital Tanpa Pakar dengan bilangan katil sebanyak 54 buah. Sehingga 31 Mac 2015, terdapat sebanyak 9 jawatan Pegawai Perubatan di Hospital Marudi dengan pengisian seramai 5 orang dan

dibantu oleh 67 orang jururawat dan 14 orang Penolong Pegawai Perubatan. Dari jumlah ini, kesemua Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan serta 2 orang Pegawai Perubatan merupakan rakyat tempatan Sarawak.

Sehingga 31 Mac 2015, seramai 592 orang Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) sedang di latih di hospital-hospital latihan PPS di Negeri Sarawak. PPS yang telah menamatkan latihan siswazah ini terutamanya anak kelahiran Sarawak akan ditempatkan di fasiliti-fasiliti KKM di seluruh negeri Sarawak termasuklah Hospital Marudi bagi mengurangkan kadar perpindahan keluar ke negeri lain.